

PRESS RELEASE

for immediate release

BANK MUAMALAT DAN CGC PERKENAL KAD KREDIT PERNIAGAAN MUAMALAT CGC VISA PLATINUM-i BAGI MEMPERKASA PKS DAN PMKS

KUALA LUMPUR, 6 November 2025 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat), dengan kerjasama Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), telah melancarkan *Muamalat CGC Visa Business Platinum-i*, iaitu kad kredit perniagaan patuh Syariah yang direka khas untuk memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia.

Pelancaran kad inovatif ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam kerjasama strategik jangka panjang antara Bank Muamalat dan CGC dalam memperluaskan akses pembiayaan kepada PKS dan PMKS. Ia susulan daripada kejayaan pelancaran Skim Jaminan Portfolio Halal-i bernilai RM70 juta pada tahun lalu. Inisiatif terbaharu ini mengukuhkan komitmen bersama kedua-dua institusi untuk memacu pertumbuhan ekonomi inklusif serta memperkukuh ekosistem PKS dan PMKS di Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin, berkata *Muamalat CGC Visa Business Platinum-i* dibangunkan khusus untuk memenuhi keperluan PKS dan PMKS yang semakin berkembang, terutamanya dalam pengurusan modal kerja dan aliran tunai.

“PKS dan PMKS merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia, namun ramai usahawan masih berdepan cabaran mendapatkan penyelesaian kewangan yang bersesuaian. Melalui kad yang disokong oleh jaminan portfolio CGC ini, kami menawarkan PKS dan PMKS fleksibiliti, keselamatan serta nilai tambah dalam pengurusan kewangan mereka. Bank menasaskan pengeluaran kira-kira 2,000 kad dalam tahun pertama, sebagai bukti komitmen kami menyokong pemilik perniagaan dengan penyelesaian praktikal dan patuh Syariah,” jelas beliau.

Kad ini dilengkapi dengan pelbagai ciri eksklusif yang membantu memaksimumkan nilai perniagaan, termasuk pengecualian yuran tahunan untuk tahun pertama dan pulangan tunai sehingga dua peratus bagi semua perbelanjaan¹, dengan had maksimum RM300 sebulan. Pemegang kad juga akan menikmati tempoh tangguhan bebas faedah sehingga 59 hari untuk transaksi runcit sahaja, apabila baki dibayar sepenuhnya sebelum tarikh akhir. Selain itu, kad ini juga memberikan akses kepada Visa Global Commercial Offers² di seluruh dunia, memberikan perniagaan kelebihan tambahan melalui keistimewaan dan peluang antarabangsa.

¹Pengecualian terpakai bagi kategori peniaga terpilih (MCC). Tertakluk kepada terma dan syarat.

²Peniaga yang mengambil bahagian dan tawaran mungkin berubah dari semasa ke semasa.

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, berkata, “Teras kepada inisiatif ini ialah jaminan CGC yang bukan sekadar perlindungan – ia merupakan lambang kepercayaan terhadap keupayaan, aspirasi dan ketahanan usahawan Malaysia. Bagi usahawan, ia membawa keyakinan untuk berkembang. Bagi rakan kewangan, ia memungkinkan peluasan kredit yang inklusif dan bertanggungjawab.”

Sementara itu, Pengurus Negara, Malaysia, Visa, Previn Pillay berkata, Visa komited untuk merangkul serta memperkasa mereka melalui cara pembayaran digital yang selamat dan terjamin.

“Kerjasama dengan Bank Muamalat dan CGC membolehkan kami menyediakan penyelesaian yang membantu PKS dan PMKS yang kurang mendapat perhatian untuk memperoleh akses pembiayaan modal kerja secara bertanggungjawab, sambil mendigitalkan operasi mereka daripada penyelarasan yang lebih lancar kepada kawalan perbelanjaan dan kecekapan operasi yang lebih baik. Ini mencerminkan tujuan kami untuk mengangkat semua orang, di mana sahaja, dengan menjadi cara terbaik untuk membayar dan menerima bayaran, sambil membantu perniagaan di Malaysia mengoptimumkan dan berkembang dengan yakin dalam ekonomi digital,” katanya.

Pelancaran *Muamalat CGC Visa Business Platinum-i* sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-13 yang menekankan pengukuhan ekosistem PKS dan PMKS bagi meningkatkan daya saing, produktiviti dan ketahanan³. Inisiatif ini sekali gus mencerminkan strategi Bank Muamalat dalam menawarkan penyelesaian inovatif berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan pelbagai segmen perniagaan dan individu, sambil menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh melayari www.muamalat.com.my atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500.

³<https://rmk13.ekonomi.gov.my>

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.

Mengenai Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC):

CGC telah ditubuhkan pada 5 Julai 1972. CGC dimiliki sebanyak 78.65% oleh Bank Negara Malaysia dan 21.35% oleh bank-bank perdagangan di Malaysia. CGC berperanan membantu perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) yang tidak mempunyai cagaran mencukupi atau rekod prestasi untuk mendapatkan kemudahan kredit daripada institusi kewangan dengan menyediakan perlindungan jaminan ke atas kemudahan tersebut.

Sehingga September 2025, CGC telah menyediakan lebih daripada 540,000 jaminan dan pembiayaan kepada PKS bernilai melebihi RM101 bilion sejak penubuhannya. Pada 9 Februari 2018, CGC telah memperkenalkan imSME, platform rujukan pembiayaan/pinjaman atas talian pertama untuk PKS di Malaysia. imSME berfungsi sebagai saluran alternatif bagi PKS mendapatkan produk pembiayaan, sekali gus menjimatkan masa dan mengurangkan kesulitan melalui proses permohonan yang panjang. Sejak diperkenalkan, portal imSME telah menerima lebih daripada 3.03 juta kunjungan dengan lebih 92,931 PKS berdaftar di bawah portal tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cgc.com.my dan <https://imsme.com.my/>.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Azman Idrus, Ketua, Pengurusan Strategik & Komunikasi
atau Nazlin Amirudin, Ketua Seksyen, Perhubungan Awam & Media, Media Sosial & Digital, dan CSR melalui e-mel di csr@cgc.com.my.